# MAJLIS AKAD NIKAH

*Dan*

# WALIMATULURUS



# KANDUNGAN

1 Panduan Majlis Akad Nikah

2 Sebelum Majlis Akad Nikah

3 Semasa Majlis Akad Nikah

4 Selepas Majlis Akad Nikah

5 Walimatulurus

# TEMPAT MAJLIS AKAD NIKAH







# PANDUAN MAJLIS AKAD NIKAH

## ADAB-ADAB SEMASA AKAD NIKAH

**01**

Memelihara Adab Berpakaian

**02**

Memelihara Adab Berhias dan Berdandan

**03**

Menjaga Tatatertib dan Kesantunan

**04**

Melakukan Ibadah Sunat jika di masjid

JAKIM

# Memelihara Adab Berpakaian

- Tidak Menyerupai Agama Lain
- Suci dan Bersih
- Menutup Aurat
- Longgar
- Tidak Jarang atau Nipis
- Bukan daripada Sutera Tulen



# Memelihara Adab Berhias/ Berdandan

## “Perhiasan Perempuan”



- Tidak berlebih-lebihan atau **keterlaluan dalam bersolek** dan berhias (solekan ringkas).
- Tidak memakai **perhiasan/barang kemas secara melampaui batas** kerana boleh membawa kepada sikap sombong/ bermegah-megah.
- **Bukan untuk menunjuk-nunjuk** atau menarik perhatian orang.
- Tidak **berlebih-lebihan memakai bau-bauan.** Diharuskan memakainya bagi tujuan menghilangkan bau badan.

# Memelihara Adab Berhias/ Berdandan

## " Perhiasan Lelaki "

- Rantai, gelang & subang
- Perhiasan yang diperbuat dari emas, emas putih & suasa

- Cincin yang diperbuat daripada perak dan platinum
- Memakai minyak wangi, digalakkan memakai bau-bauan yang harum semasa berkunjung ke masjid

# Memelihara Adab Berhias/ Berdandan

## “ Pemakaian Inai ”

**PEREMPUAN**

- Harus kedua-dua tangan dan kaki.
- Kadar pemakaian terhad sehingga pergelangan tangan dan buku lali sahaja.
- Tidak bersifat kekal seperti tatu.
- Tidak mengandungi unsur yang meragukan.
- Corak/ukiran yang dibenarkan seperti daun dan tumbuh-tumbuhan.
- Corak/ukiran haiwan, lambang dewa-dewa, ajaran atau apa jua yang bertentangan dengan syarak tidak dibenarkan.

**LELAKI**

- Pemakaian inai pada kedua tangan dan kaki bagi lelaki adalah tidak diharuskan kecuali pada sebilangan jari bagi pengantin semasa majlis perkahwinan dan juga untuk tujuan perubatan.



# Menjaga Tatatertib Dan Kesantunan

## HINDARI...

- Berhadas besar/bernajis (ruang solat)
- Bercakap hal dunia/sia-sia
- Bercampur tempat duduk lelaki dan perempuan
- Bersalaman dengan bukan mahram
- Membiarkan kanak-kanak tanpa kawalan
- Sesi fotografi /rakaman video dengan aksi melampau
- Bagi bukan Islam: Berdoa, bertafakur atau ritual mengikut agama mereka

JAKIM

# Melakukan Ibadat Sunat Di Masjid

- Berwuduk dan Menutup Aurat
- Berniat Iktikaf
- Sembahyang Sunat Tahiyyatul Masjid
- Berzikir secara senyap

# SEBELUM MAJLIS AKAD NIKAH

- Kad Pengenalan Lelaki & Perempuan
- Kad Pengenalan Wali
- Kad Pengenalan 2 Orang Saksi Asal & 1 Salinan
- Surat Kebenaran Berkahwin
- Mas Kahwin dalam Bentuk Tunai atau Bank Draf
- Bayaran Saguhati Jurunikah dan Saksi
- Kehadiran 15 Minit Sebelum Majlis

# Pelan Kedudukan Majlis Akad Nikah



# SEMASA MAJLIS AKAD NIKAH

- **Pertama** – Ucapan Pembukaan Majlis
- **Kedua** – Pengesahan Pihak-Pihak, Mas Kahwin, Keizinan dan Wakalah
- **Ketiga** – Membaca Khutbah Nikah
- **Keempat** – Membaca *Istighfar*, *Syahadah* dan *Solawat*
- **Kelima** – Ijab Qabul
- **Keenam** – Pengesahan lafaz Ijab Qabul oleh dua saksi
- **Ketujuh** – Doa
- **Kelapan** – Lafaz Ta’liq

# Pengesahan Pihak-pihak, Mas Kahwin & Wakalah

**01**

**Pengesahan Pihak-Pihak**

- Pengantin Lelaki
- Pengantin Perempuan
- Wali
- Dua Saksi

**02**

**Mas Kahwin**

**03**

**Wakalah**

Lafaz Izin Pengantin Perempuan kepada Wali

Lafaz Persetujuan Wali

Lafaz Wakalah Wali

Lafaz Penerimaan Wakalah Wali

Lafaz Wakalah Pengantin Lelaki

Lafaz Penerimaan Wakalah Pengantin Lelaki

JAKIM

# Membaca Khutbah Nikah

- **SUNAT** sebelum majlis akad nikah
- Bertujuan **memberi peringatan dan bimbingan** berkaitan perkahwinan



# Membaca Istighfar, Syahadah Dan Selawat

**LAFAZ ISTIGHFAR**

أَسْتَغْفِرُ اللهَ الْعَظِيمَ الَّذِي لَاإِلَـــهَ إِلاَّ

هُوَ الْحَيُّ الْقَيُّومُ وَأَتُوبُ إِلَيْهِ.

**LAFAZ DUA KALIMAH SYAHADAH**

أَشْهَدُ أَنْ لَّا إِلَهَ إِلاَّ اللهُ

وَأَشْهَدُ أَنَّ مُحَمَّدًا رَّسُولُ اللهِ

**LAFAZ SELAWAT**

اللَّهُمَّ صَلِّ عَلَى مُحَمَّدٍ وَعَلَى آلِ مُحَمَّدٍ

JAKIM

# Lafaz Ijab

## WALI

- “**Nama Pengantin Lelaki,** saya nikahkan kamu dengan **Hubungan Pengantin Perempuan Dengan Wali** saya **Nama Pengantin Perempuan d**engan mas kahwin sebanyak ..... tunai/hutang.”

## WAKIL WALI

- “**Nama Pengantin Lelaki,** saya nikahkan kamu dengan **Nama Pengantin Perempuan** yang telah berwakil walinya saya dengan mas kahwinnya sebanyak ..... tunai/hutang.”

## WALI HAKIM

- “Saya nikahkan kamu dengan **Nama Pengantin Perempuan** dengan mas kahwinnya ...... tunai/hutang.”

JAKIM

# Lafaz Qabul

## PENGANTIN LELAKI

- “Aku terima nikah **NAMA PENGANTIN PEREMPUAN** dengan mas kahwinnya sebanyak ……. tunai/hutang

## WAKIL PENGANTIN LELAKI

- Saya **Nama Wakil** menerima nikah **Nama Pengantin Perempuan** bagi pihak **Nama Pengantin Lelaki** dengan mas kahwinnya …… tunai/hutang

# Lafaz Ta'liq

Satu ikrar yang dilafaz oleh suami sebaik sahaja selepas akad nikah.

**Tujuan Ta'liq**

- Menjaga maslahah (kebajikan) isteri sepanjang hidup bersama suami.
- Menjadi panduan dan peringatan kepada suami tentang tanggungjawab dan hak isteri.
- Membolehkan isteri memohon pembubaran perkahwinan sekiranya berlaku pelanggaran ta'liq

**Kesan Lafaz Ta'liq**

1. Berkuatkuasa sepanjang tempoh perkahwinan suami isteri.
2. Tidak boleh ditarik balik atau dibatalkan.
3. Tidak akan mengakibatkan gugurnya talaq secara terus selagi tidak membawa kes pelanggaran ta'liq ke Mahkamah Syariah.

# Lafaz Ta'liq

## Contoh Lafaz Ta`liq Negeri Johor

“Manakala saya tinggalkan isteri saya**....(nama isteri)….**selama 4 bulan hijrah berturut-turut atau lebih dengan sengaja atau paksa dan saya atau wakil saya tiada memberi nafkah kepadanya selama masa yang tersebut padahal ia taatkan saya atau saya lakukan sebarang mudarat kepada tubuh badannya atau kehormatannya atau harta bendanya, kemudian ia mengadu atau wakilnya mengadu kepada kadi dan manakala sabit aduannya di sisi kadi atau mahkamah syariah dan ia atau wakilnya memberi kepada kadi bagi pihak saya RM1.00 maka ketika itu tertalaklah ia dengan satu ‘talak khulu’, atau saya ghaib daripada isteri saya yang tersebut selama satu tahun atau lebih, jika ia atau wakilnya mengadu kepada kadi dengan berkata ianya tidak tertunggu lagi akan saya manakala bersabit aduannya, nescaya tertalaklah ia satu talak, demikian lafaz taklik saya.”

JAKIM

# SELEPAS AKAD NIKAH

Solat Sunat Selepas Akad

Sujud Syukur

Doa Suami kepada Isteri

Penyerahan Mas Kahwin, saguhati dan dokumen nikah

Lafaz Penyerahan:

- Lafaz penyerahan mas kahwin oleh pengantin lelaki
- Lafaz penerimaan mas kahwin oleh pengantin perempuan
- Lafaz penyerahan tanggungjawab oleh wali kepada pengantin lelaki
- Lafaz penerimaan tanggungjawab oleh pengantin lelaki
- Pesanan ibu kepada anak perempuan
- Ucapan terima kasih anak perempuan kepada ibu

JAKIM

# Doa Kepada Isteri

**Letakkan Tangan Suami Di Ubun-Ubun Isteri**



اَللَّهُمَّ إِنِّي أَسْأَلُكَ مِنْ خَيْرِهَا وَخَيْرِ مَا جَبَلْتَهَا عَلَيْهِ

وَأَعُوْذُ بِكَ مِنْ شَرِّهَا وَشَرِّ مَا جَبَلْتَهَا عَلَيْهِ

Wahai Tuhanku, aku mohon kepada-Mu kebaikan dan segala kebaikan yang ada padanya. Dan aku berlindung pada-Mu dari keburukan dan segala keburukan yang ada padanya.

## HUKUM : SUNAT MUAKKAD

عَنْ أَنَسٍ قَالَ مَا أَوْلَمَ النَّبِيُّ صَلَّى اللَّهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ عَلَى شَيْءٍ مِنْ نِسَائِهِ مَا أَوْلَمَ عَلَى زَيْنَبَ أَوْلَمَ بِشَاةٍ

تخريج : [صحيح البخاري , كتاب النكاح , باب الوليمة ولو بشاة , حديث 5168]

"Anas RA berkata; Nabi SAW tidak pernah mengadakan walimah terhadap seorang pun daripada isteri-isterinya sebagaimana walimah yang baginda adakan atas pernikahannya dengan Zainab. Saat itu, baginda mengadakan walimah dengan seekor kambing."

(Hadith riwayat al-Bukhari, No.5168)

# Kepentingan Walimatulurus

- Mengelak Daripada Fitnah
- Mengembira-kan Pengantin
- Mengeratkan Silaturrahim Antara Keluarga
- Mendapatkan Keberkatan & Meningkatkan Ketaqwaan





# Isu Berkaitan Walimah

| ISU | HURAIAN |
| --- | --- |
| SANDING | • Dibolehkan jika menepati syariat |
| BERHIAS | • Tidak Tabarruj (Melampau dalam berhias)<br>• Tidak Li Tadlis (Merubah kecantikan fizikal) |
| JEMPUTAN | • Tidak memilih-milih jemputan (mengutamakan saudara mara dan jiran terdekat) |
| KOS | • Mengelak daripada pembaziran |
| HIBURAN | • Elakkan hiburan yang melalaikan<br>• Tidak bising sehingga mengganggu jiran |
| ATURCARA | • Memberi laluan masa untuk solat |
| KHURAFAT | • Upacara tepung tawar<br>• Upacara tabur beras kunyit<br>• Upacara tahan hujan<br>• Pemilihan tarikh tertentu (Tiyarah) |



# RUMUSAN

- Islam menyarankan majlis yang sederhana dan tidak membebankan kedua-dua pihak dengan mengundang saudara mara yang terdekat, jiran tetangga dan sahabat-sahabat yang rapat.

- Salah satu punca berlaku perceraian adalah tidak terdapat keberkatan dan rahmat daripada Allah SWT kerana terdapat banyak unsur maksiat semasa majlis perkahwinan tersebut.

- Tidak melakukan adat-adat yang bertentangan dengan syariat Islam seperti hiburan yang mendatangkan dosa dan mengelakkan pembaziran.

# بارك الله لكما وبارك عليكما
# وجمع بينكما في خير



*…Semoga Allah melimpahkan keberkatan kepada dirimu (disaat senang dan susah) dan sentiasa memberkati ke atas (pernikahan) kamu dan menghimpun kamu berdua dalam kebaikan."*

(Hadith riwayat At-Tirmidzi: 1091)

JAKIM



# TERIMA KASIH